

01/06/2000

Tindakan tegas jika aduan politik wang diterima

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Rabu - Jawatankuasa Disiplin Umno akan membuat siasatan dan mengambil tindakan tegas jika menerima aduan mengenai politik wang ketika pemilihan parti baru-baru ini.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata tanpa aduan, jawatankuasa itu tidak boleh membuktikan politik wang benar-benar berlaku dan mengambil tindakan terhadap ahli terbabit.

"Cakap saja tanpa bukti tidak akan membawa makna kerana ia tidak dapat membantu kita mengambil tindakan," katanya kepada pemberita selepas menutup Sidang Kemuncak Perniagaan Eropah-Asia 2000 di Hotel Hilton, di sini hari ini.

Beliau yang juga Timbalan Perdana Menteri mengulas kenyataan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, yang mendedahkan ada perwakilan dalam pemilihan parti diberi wang sogokan antara RM200 hingga RM3,000 supaya menyokong calon tertentu.

Shahidan berkata, beliau menerima aduan berhubung kegiatan politik wang itu daripada beberapa perwakilan, termasuk dari negeri lain yang turut menyerahkan wang berkenaan kepadanya sebagai bukti.

Pada pemilihan 11 Mei lalu, Shahidan gagal mempertahankan kerusi Majlis Tertinggi (MT) apabila menduduki tempat ke-38 daripada 63 calon dengan 665 undi.

Jawatan Naib Presiden Umno pula dimenangi Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Abdullah berkata, beliau setakat ini tidak menerima sebarang maklumat mengenai politik dan mungkin aduan itu dihantar terus kepada ibu pejabat Umno atau Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mengulas mengenai keputusan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk menghantar wakil berunding dengan penculik yang menahan 21 tebusan yang diculik di Pulau Sipadan, Sabah, 23 April lalu, beliau berkata:

"Kita mengalu-alukan langkah itu kerana ia lahir daripada sikap prihatin mereka untuk menyelesaikan isu berkenaan."

Bagaimanapun, katanya, Malaysia tidak tahu sejauh mana usaha itu akan berjaya dan berharap ia dapat diselesaikan dengan baik.

Abdullah berkata, usaha membebaskan tebusan yang diusahakan oleh Filipina agak lambat kerana ia mungkin terlalu rumit, tetapi rundingan dengan penculik diteruskan.

Setiausaha OIC, General Azeddine Laraki dalam kenyataannya di Jeddah, Arab Saudi, berkata pihaknya sudah memberitahu kerajaan Filipina untuk menghantar wakil membantu membebaskan tebusan.

(END)